



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 1 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	MAFI TINGKAT PRODUKTIVITI, KUKUH RANTAIAN NILAI MAKANAN DALAM RMK12 - RONALD, BERNAMA -ONLINE BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI SEPANJANG TEMPOH 'TOTAL LOCKDOWN' - MAFI, BERNAMA -ONLINE MAFI KOMITED PASTIKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA STABIL, KOSMO -ONLINE MAFI KOMITED RANTAIAN MAKANAN CUKUP, BISNES, HM -23 BEKALAN MAKANAN CUKUP - MAFI, NEGARA, KOSMO -6 KEPERLUAN BERAS CUKUP UNTUK DUA MINGGU, NASIONAL, BH -20 BEKALAN MAKANAN NEGARA STABIL, TIDAK PERLU PANIK, BH -ONLINE BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI SEPANJANG TEMPOH 'TOTAL LOCKDOWN', HM -ONLINE PASTIKAN AKTIVITI RANTAIAN BEKALAN SEKTOR PERIKANAN TERUS BEROPERASI, SH -ONLINE BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, NASIONAL, SH -15 FOOD SUPPLY STABLE, SAYS MINISTER, NATION/NEWS, NST -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12.	SAYUR KAILAN PUN CUBA DISELUDUP, LOKAL, HM -5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13. 14. 15.	'TOTAL LOCKDOWN: FAMA BUKA 43 PASAR SEGAR TERKAWAL, SH -ONLINE 43 LOKASI PASAR SEGAR TERKAWAL DIBUKA SEMASA SEKATAN PERGERAKAN PENUH - FAMA, BERNAMA -ONLINE 'AMBIL SAJA PERCUMA TAK PERLU BAYAR', NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16. 17.	MASALAH SAWAH TENGGELAM SUDAH SELESAI?, DALAM NEGERI, UM -27 TAWARAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM SUJIL PERTANIAN DI INSTITUT PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA, NASIONAL, BH -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI tingkat produktiviti, kukuh rantai nilai makanan dalam RMK12 - Ronald



KUALA LUMPUR, 27 Mei – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi penekanan bagi meningkatkan produktiviti, memperkasa sistem sokongan dan perkhidmatan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata selain itu MAFI juga memperkukuh rantai nilai makanan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan.

Beliau berkata pembangunan sektor agromakanan di bawah RMK12 akan dipacu menerusi usaha-usaha modenisasi dengan memberi tumpuan kepada perluasan adaptasi mekanisasi dan automasi untuk terus meningkatkan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Komitmen MAFI untuk mempertahankan sekuriti makanan negara juga diperlihatkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021-2030 (DAN 2.0)," katanya ketika menyampaikan ucapan Semiar Sekuriti Makanan: Merealisasikan Keperluan Rakyat menerusi webinar hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata DAN 2.0 menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan menyumbang aspirasi Malaysia dalam konteks ekonomi, pengurusan sosial dan kemampanan alam sekitar di bawah sektor agromakanan bagi tempoh sedekad.

Ronald percaya keberkesanan usaha-usaha dilaksanakan kerajaan dalam menjamin kemampanan sistem makanan dapat diukur menerusi pencapaian negara dalam indikator domestik dan antarabangsa seperti Tahap Sara Diri (SSL), Kadar Kebergantungan Import (IDR), Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) dan SDGs.

Dalam pada itu, Ronald turut memaklumkan gangguan pada sistem makanan sewaktu fasa awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di seluruh negara jelas menunjukkan terdapat jurang dalam sistem makanan negara.

"Wabak (COVID-19) ini telah mendedahkan beberapa kelemahan dalam rantaian bekalan makanan negara dari segi logistik khususnya, apabila petani menghadapi kesukaran untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka.

"Selain itu, sektor agromakanan juga menghadapi cabaran dari segi pengimportan memandangkan negara-negara sumber import telah melaksanakan dasar perlindungan atau *protectionist* untuk beberapa komoditi penting seperti beras," katanya.

Namun, Ronald berkata gangguan dalam rantaian bekalan makanan negara ini berjaya diatasi kerajaan melalui hasil kerjasama antara kementerian dan agensi yang terlibat dimana tindakan pantas dan efektif telah diambil untuk menyelesaikan pelbagai masalah bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan sepanjang masa.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

Bekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh 'total lockdown' - Mafi



PUTRAJAYA, 31 Mei -- Sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya adalah perkhidmatan perlu yang dibenarkan terus beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata langkah susulan dan persediaan akan dilaksanakan bagi memastikan semua rangkaian dan rantaian dalam aktiviti sektor pertanian dan industri makanan termasuk ekosistemnya, tidak terjejas sepanjang pelaksanaan PKP penuh bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan makanan dan jaminan sekuriti makanan negara.

"MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) amat komited untuk memastikan rangkaian dan rantaian bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap yang stabil, mencukupi dan terkawal selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Ronald, berasaskan data bekalan komoditi ternakan, bekalan daging, ayam, telur dan susu dijangkakan mencukupi untuk keperluan negara.

Untuk bulan Jun, stok bekalan daging lembu dan kerbau dianggarkan sebanyak 22,590.58 tan metrik, bekalan daging ayam sebanyak 125,067.61 tan metrik, manakala bekalan telur ayam pula dianggarkan sebanyak 976,847,250 biji dan bekalan susu segar adalah sebanyak 4,147,608.10 liter.

Ronald juga berkata MAFI menganggarkan keperluan sebanyak 100,000 hingga 150,000 tan metrik beras dalam tempoh 14 hari pelaksanaan 'total lockdown' yang mana jumlah itu termasuk andaian sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

"Bekalan keperluan ini dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan metrik pada masa ini yang berada di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit," katanya.

Bagi menjamin bekalan dan pengeluaran beras berterusan dan tidak terganggu, beliau berkata MAFI akan memastikan proses penanaman padi dan operasi kilang padi dan beras beroperasi pada kadar yang dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Ini termasuklah kebenaran pengedaran input pertanian seperti baja, benih padi dan penggunaan jenterai di sepanjang tempoh tersebut, katanya.

Penanaman dan penuaian padi sedang berjalan di beberapa negeri seperti di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu pada masa ini.

Beliau berkata pengedaran beras di peringkat pemborong dan peruncit juga dibenarkan untuk beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN bagi memastikan setiap pelusuk daerah dan kawasan tidak akan terjejas bekalan makanan utama.

Katanya kedudukan stok semasa bekalan ikan negara pula berjumlah 185,000 tan metrik sebulan berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.

Beliau berkata sebanyak 89 pasar nelayan dan 33 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi di seluruh negara sepanjang tempoh 'total lockdown' fasa pertama, manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tertakluk kepada arahan pihak berkuasa tempatan dan SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Bagi menjamin akses orang ramai terhadap keperluan bekalan makanan, Ronald berkata MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara yang terdiri daripada 24 Pasar Tani Kekal, tiga MyFarm Outlet, 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar berbanding 63 lokasi yang dibuka semasa PKP 1.0 tahun lepas.

"Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan SOP yang diperketatkan oleh MKN untuk menangani penularan gelombang ketiga Covid-19 yang kian meningkat," katanya.

Ronald berkata pemain industri terlibat dinasihatkan berhubung dengan jabatan dan agensi di bawah MAFI untuk mendapatkan surat pengesahan beroperasi sepanjang tempoh 'total lockdown'.

Orang ramai juga boleh mengakses laman web MAFI iaitu www.mafi.gov.my untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti, pengoperasian dan SOP PKP penuh fasa pertama atau menghubungi Bilik Gerakan MAFI di talian 03 88701664/1491 atau e-mel bilikgerakan@mafi.gov.my.

"MAFI akan terus komited dalam membantu para pemain industri dan juga golongan petani, penternak dan nelayan dalam memastikan sektor pertanian dan industri makanan tidak akan terjejas berikutan penutupan sektor ekonomi dan sosial," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	KOSMO	ONLINE	

MAFI komited pastikan bekalan makanan negara stabil



PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus komited bagi memastikan bekalan makanan untuk seluruh masyarakat di negara ini kekal stabil ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) total lockdown fasa pertama bermula esok.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, persediaan akan dilaksanakan dalam memastikan sektor pertanian dan industri makanan

tidak akan terjejas sepanjang pelaksanaan PKP total lockdown fasa pertama bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan makanan dan jaminan sekuriti makanan negara.

“MAFI amat komited untuk memastikan bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap yang stabil, mencukupi dan terkawal selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai.

“Untuk makluman, MAFI menganggarkan keperluan sebanyak 100,000 tan metrik sehingga 150,000 tan metrik beras dalam tempoh 14 hari pelaksanaan total lockdown di mana jumlah ini termasuk sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai,” katanya dalam satu kenyataan.

Tambah beliau, penanaman dan penuaian padi pada masa ini sedang berjalan di beberapa negeri seperti di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Menurutnya lagi, stok semasa bekalan ikan negara masih stabil dengan sebanyak 185,000 tan metrik sebulan berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.

“Sebanyak 89 buah pasar nelayan dan 33 buah Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi di seluruh negara manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tertakluk kepada arahan pihak berkuasa tempatan dan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Untuk bulan Jun ini, bekalan daging lembu dan kerbau adalah dianggarkan sebanyak 22,590.58 tan metrik manakala bekalan daging ayam adalah sebanyak 125,067.61 tan metrik.

“Bekalan telur ayam untuk bulan Jun ini pula dianggarkan sebanyak 976,847,250 biji dan diikuti bekalan susu segar sebanyak 4,147,608.10 liter,” tambahnya.

MAFI menasihati orang ramai supaya tidak membuat pembelian panik dan menyimpan stok bahan makanan secara berlebihan yang boleh mengakibatkan ketidaksamarataan dari segi akses bekalan makanan kepada orang ramai. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	HARIAN METRO	BISNES	23

Mafi komited rantaian makanan cukup

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) komited memastikan rangkaian dan rantaian bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap stabil, mencukupi dan terkawal selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah susulan dan perediaan akan dilaksanakan dalam memastikan semua rangkaian dan rantaian dalam aktiviti sektor pertanian dan industri makanan termasuk ekosistemnya tidak akan terjejas sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh (SSP) ini.

Katanya, Mafi menganggarkan keperluan sebanyak 100,000 tan metrik sehingga 150,000 tan metrik beras dalam tempoh 14 hari pelaksanaan SSP, dengan jumlah ini termasuk andaian



Bagi memastikan bekalan dan pengeluaran beras berterusan dan tidak terganggu, Mafi akan memastikan proses penanaman padi dan juga operasi kilang padi dan beras dapat beroperasi pada kadar yang dibenarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh MKN"

Dr Ronald Kiandee

sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

Beliau berkata, bekalan keperluan itu dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan metrik pada masa ini yang berada di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.

"Bagi memastikan bekalan dan pengeluaran beras berterusan dan tidak terganggu, Mafi akan memastikan proses penanaman

padi dan juga operasi kilang padi dan beras dapat beroperasi pada kadar yang dibenarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh MKN.

"Ini termasuk kebenaran pengedaran input pertanian seperti baja, benih padi dan penggunaan jentuai di sepanjang tempoh terbabit.

"Penanaman dan penuaian padi pada masa ini sedang berjalan di beberapa negeri seperti di Pulau Pi-

ang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

"Penedaran beras di peringkat pemborong dan peruncit juga dibenarkan untuk beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN bagi memastikan setiap pelosok daerah dan kawasan tak terjejas bekalan makanan utama," katanya.

Menurutnya, kedudukan stok semasa bekalan ikan negara berjumlah 185,000 tan metrik sebulan, berbanding keperluan semasa 155,000 tan metrik sebulan.

Sejumlah 89 Pasar Nelayan dan 33 Pusat Pengumpulan dan Penedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi di seluruh negara sepanjang tempoh SSP ini, manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), ia tertakluk kepada arahan pihak berkuasa tempatan dan SOP yang ditetapkan oleh MKN.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	KOSMO	NEGARA	6

Bekalan makanan cukup – MAFI

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited bagi memastikan bekalan makanan di seluruh negara kekal stabil ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh fasa pertama bermula hari ini.

Kata Menteriinya Datuk Seri Dr. Ronald Khande, masyarakat tidak perlu bimbang kerana sektor pertanian, perikanan dan penternakan merupakan satu perkhidmatan perlu (essential services) dibenarkan beroperasi sepanjang masa dan tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP).

Tambahnya dalam satu kenyataan, persediaan akan dilaksanakan dalam memastikan sektor pertanian dan industri makanan tidak akan terjejas sepanjang pelaksanaan PKP penuh itu bagi memastikan kelangsungan ran-

taian bekalan makanan dan jaminan sekuriti makanan negara.

"MAFI amat komited untuk memastikan bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap yang stabil, mencukupi dan terkawal selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai.

"MAFI" anggarkan keperluan sebanyak 100,000 tan metrik sehingga 150,000 tan metrik beras dalam tempoh 14 hari pelaksanaan PKP penuh di mana jumlah ini termasuk sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

"Bekalan keperluan ini dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan metrik pada masa ini yang bermula dari pengilang, pemborong dan peruncit," jelas beliau dalam ke-

nyataan tersebut.

Tambahnya, MAFI akan memastikan proses penanaman padi dan juga operasi kilang padi dan beras dapat beroperasi pada kadar yang dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Penanaman dan penuaian padi pada masa ini sedang berjalan di beberapa negeri seperti di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Menurut Ronald, stok semasa bekalan ikan negara masih stabil dengan sebanyak 185,000 tan metrik sebulan berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.

"Berdasarkan data bekalan komoditi ternakan dijangkakan bekalan daging, ayam, telur dan susu juga cukup untuk keperluan negara," jelasnya.



BEKALAN Ikan dan keperluan makanan yang lain dijamin cukup sepanjang PKP penuh bermula hari ini. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Keperluan beras cukup untuk dua minggu

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menganggarkan keperluan antara 100,000 hingga 150,000 tan beras dalam tempoh dua minggu pelaksanaan sekatan pergerakan penuh mulai hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jumlah itu termasuk sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

Katanya, bekalan beras itu dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan pada masa ini yang berada pada peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.

"Bagi memastikan bekalan dan pengeluaran beras berterusan dan tidak terganggu, MAFI akan memastikan proses penanaman dan operasi kilang padi serta beras dapat beroperasi pada kadar dibenarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

"Ini termasuk kebenaran pengedaran input pertanian seperti baja, benih padi dan penggunaan jen-

tuai di sepanjang tempoh berkenaan.

"Penanaman dan penuaian padi pada masa ini sedang berjalan di beberapa negeri antaranya Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, MAFI berkata, pengedaran beras pada peringkat pemborong dan peruncit juga dibenarkan untuk

beroperasi mengikut SOP ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan setiap pelusuk daerah dan kawasan tidak terjejas dengan bekalan makanan utama itu.

Bagi stok semasa bekalan ikan negara pula, Ronald menganggarkan keperluan 185,000 tan sebulan ketika sekatan pergerakan penuh berbanding keperluan semasa 155,000 tan.

"Sejumlah 89 Pasar Nelayan dan 33 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi

di seluruh negara sepanjang tempoh sekatan itu.

"Bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), ia tertakluk arahan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan SOP ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, Ronald turut memaklumkan berdasarkan data bekalan komoditi, bekalan daging, ayam, telur dan susu turut mencukupi untuk keperluan ne-



Ronald Kiandee

gara.

"Untuk Jun ini, bekalan daging lembu dan kerbau dianggarkan 22,590.58 tan, manakala bekalan daging ayam 125,067.61 tan.

"Bekalan telur ayam untuk Jun pula dianggarkan 976,847,250 biji dan bekalan susu segar 4,147,608.1 liter," katanya.

Tambahnya, bagi menjamin akses orang ramai terhadap keperluan bekalan makanan, MAFI turut membuka 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bekalan makanan negara stabil, tidak perlu panik



PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menganggarkan keperluan antara 100,000 hingga 150,000 tan beras dalam tempoh dua minggu pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, yang bermula esok.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jumlah itu termasuk sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

Menurutnya, bekalan beras itu dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan pada masa ini yang berada di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.

"Bagi memastikan bekalan dan pengeluaran beras berterusan dan tidak terganggu, MAFI akan memastikan proses penanaman dan operasi kilang padi serta beras dapat beroperasi pada kadar yang dibenarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Ini termasuklah kebenaran pengedaran input pertanian seperti baja, benih padi dan penggunaan jenterai di sepanjang tempoh berkenaan.

"Penanaman dan penuaian padi pada masa ini sedang berjalan di beberapa negeri antaranya Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, MAFI berkata, pengedaran beras di peringkat pemborong dan peruncit juga dibenarkan untuk beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan setiap pelusuk daerah dan kawasan tidak terjejas dengan bekalan makanan utama itu.

Bagi stok semasa bekalan ikan negara pula, Ronald menganggarkan keperluan 185,000 tan sebulan ketika sekatan pergerakan penuh berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan.

"Sejumlah 89 Pasar Nelayan dan 33 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi di seluruh negara sepanjang tempoh sekatan berkenaan.

"Bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ia tertakluk kepada arahan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan SOP yang ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, Ronald turut memaklumkan berdasarkan data bekalan komoditi, bekalan daging, ayam, telur dan susu turut mencukupi untuk keperluan negara.

"Untuk Jun ini, bekalan daging lembu dan kerbau dianggarkan sebanyak 22,590.58 tan, manakala bekalan daging ayam adalah sebanyak 125,067.61 tan.

"Bekalan telur ayam untuk Jun pula dianggarkan sebanyak 976,847,250 biji dan bekalan susu segar sebanyak 4,147,608.10 liter," katanya.

Tambahnya, bagi menjamin akses orang ramai terhadap keperluan bekalan makanan, MAFI turut membuka 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara.

"Ia terdiri daripada 24 Pasar Tani Kekal, tiga MyFarm Outlet, 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar berbanding 63 lokasi yang dibuka ketika PKP 1.0 yang lalu.

"Pengurangan ini disebabkan pelaksanaan SOP yang diperketatkan oleh MKN bagi menangani penularan gelombang ketiga COVID-19 yang kian meningkat," katanya.

Berikutan itu, Ronald berkata, bagi melancarkan semua aktiviti, pemain industri dan usahawan yang terbabit dalam rangkaian dan rantaian sektor berkaitan dinasihatkan untuk berhubung dengan Jabatan atau agensi bawah MAFI bagi mendapatkan surat pengesahan.

Ronald menegaskan MAFI akan terus komited untuk membantu pemain industri dan juga golongan petani, penternak dan nelayan dalam memastikan sektor pertanian dan industri makanan tidak akan terjejas berikutan penutupan sektor ekonomi dan sosial.

"Saya juga menyeru semua pengusaha agromakanan termasuk petani, penternak dan nelayan sentiasa patuh kepada SOP ditetapkan oleh MKN dan menjaga kesihatan diri sepanjang masa.

"Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan tidak membuat pembelian panik dan 'stock-piling' bahan makanan secara berlebihan yang boleh mengakibatkan keadaan di mana terdapat ketidaksamarataan dari segi akses bekalan makanan kepada orang ramai.

"MAFI juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta kementerian yang lain dalam memastikan bekalan makanan negara terus berada dalam tahap yang stabil, mencukupi dan terkawal sepanjang masa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Bekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh 'total lockdown'



Putrajaya: Sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya adalah perkhidmatan perlu yang dibenarkan terus beroperasi sepanjang Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, langkah susulan dan persediaan akan dilaksanakan bagi memastikan semua rangkaian dan rantaian dalam aktiviti sektor pertanian dan industri makanan termasuk ekosistemnya, tidak terjejas sepanjang pelaksanaan SPP penuh bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan makanan dan jaminan sekuriti makanan negara.

"Mafi (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) amat komited untuk memastikan rangkaian dan rantaian bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap yang stabil, mencukupi dan terkawal selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Menurut Ronald, berasaskan data bekalan komoditi ternakan, bekalan daging, ayam, telur dan susu dijangkakan mencukupi untuk keperluan negara.

Untuk Jun, stok bekalan daging lembu dan kerbau dianggarkan sebanyak 22,590.58 tan metrik, bekalan daging ayam sebanyak 125,067.61 tan metrik, manakala bekalan telur ayam pula dianggarkan sebanyak 976,847,250 biji dan bekalan susu segar adalah sebanyak 4,147,608.10 liter.

Ronald berkata Mafi menganggarkan keperluan sebanyak 100,000 hingga 150,000 tan metrik beras dalam tempoh 14 hari pelaksanaan SPP yang mana jumlah itu termasuk andaian sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

"Bekalan keperluan ini dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan metrik pada masa ini yang berada di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit," katanya.

Bagi menjamin bekalan dan pengeluaran beras berterusan dan tidak terganggu, beliau berkata, Mafi akan memastikan proses penanaman padi dan operasi kilang padi dan beras beroperasi pada kadar yang dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Ini termasuklah kebenaran pengedaran input pertanian seperti baja, benih padi dan penggunaan jentera di sepanjang tempoh tersebut, katanya.

Penanaman dan penuaian padi sedang berjalan di beberapa negeri seperti di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu pada masa ini.

Beliau berkata, pengedaran beras di peringkat pemborong dan peruncit juga dibenarkan untuk beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN bagi memastikan setiap pelusuk daerah dan kawasan tidak akan terjejas bekalan makanan utama.

Katanya, kedudukan stok semasa bekalan ikan negara pula berjumlah 185,000 tan metrik sebulan berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.

Beliau berkata, sebanyak 89 pasar nelayan dan 33 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi di seluruh negara sepanjang tempoh SPP fasa pertama, manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tertakluk kepada arahan pihak berkuasa tempatan dan SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Bagi menjamin akses orang ramai terhadap keperluan bekalan makanan, Ronald berkata MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara yang terdiri daripada 24 Pasar Tani Kekal, tiga MyFarm Outlet, 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar berbanding 63 lokasi yang dibuka semasa PKP 1.0 tahun lepas.

"Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan SOP yang diperketatkan oleh MKN untuk menangani penularan gelombang ketiga Covid-19 yang kian meningkat," katanya.

Ronald berkata, pemain industri dinasihatkan berhubung dengan jabatan dan agensi di bawah Mafi untuk mendapatkan surat pengesahan beroperasi sepanjang tempoh SPP.

Orang ramai juga boleh mengakses laman web MAFI iaitu www.mafi.gov.my untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti, pengoperasian dan SOP PKP penuh fasa pertama atau menghubungi Bilik Gerakan MAFI di talian 03 88701664/1491 atau e-mel bilikgerakan@mafi.gov.my.

"Mafi akan terus komited dalam membantu para pemain industri dan juga golongan petani, penternak dan nelayan dalam memastikan sektor pertanian dan industri makanan tidak akan terjejas berikutan penutupan sektor ekonomi dan sosial," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pastikan aktiviti rantai bekalan sektor perikanan terus beroperasi



IPOH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi berkaitan perikanan perlu memastikan rantai bekalan sektor perikanan dapat terus beroperasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh.

Setiausaha Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Azrilnizam Omar berkata, perkara tersebut penting bagi memastikan tiada isu lambakan

hasil tangkapan tidak terjual berlaku.

Menurutnya, begitu juga isu peraih enggan membeli hasil tangkapan dan masalah logistik hasil laut yang berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 juga perlu ditangani oleh kementerian dan agensi bertanggungjawab.

"Kita berharap kejadian nelayan tidak dapat menjual hasil tangkapan walaupun dibenarkan ke laut seperti yang berlaku semasa peringkat awal pelaksanaan PKP 1.0 sebelum ini tidak akan berulang.

"Justeru Jaring sekali lagi menggesa kerajaan agar menangani isu rantai bekalan sektor perikanan ini dengan sebaiknya bagi memastikan kehidupan komuniti nelayan tidak terjejas," katanya dalam satu kenyataan akhbar pada Isnin.

Menurutnya, keadaan itu sekali gus memastikan jaminan bekalan makanan sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut tidak terganggu kerana isu itu boleh menyebabkan kekurangan bekalan serta kenaikan harga di dalam pasaran.

Jelas Azrilnizam, agensi berkaitan perikanan seperti Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu bersama membantu memastikan rantai bekalan sektor perikanan dapat terus beroperasi selain pendapatan nelayan tidak terjejas.

Sementara itu, beliau berkata, Jaring turut menyambut baik pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 hingga 14 Jun untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

Bekalan makanan mencukupi

Semua rangkaian dan rantaian dalam aktiviti sektor pertanian, industri makanan tidak terjejas sepanjang PKP.

PUTRAJAYA

Sektor pertanian, perikanan dan perternakan serta rantaianya adalah perkhidmatan perlu yang dibenarkan terus beroperasi. Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh triaikul ke-pada prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Seri Dr. Ronald Kiang berkata, langkah susulan dan persediaan akan dilaksanakan bagi memastikan semua rangkaian serta rantaian dalam aktiviti sektor pertanian dan industri makanan termasuk ekosistemnya tidak terjejas sepanjang pelaksanaan PKP penuh.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan rangkaian dan rantaian bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap yang stabil, mencukupi serta terkawal, selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, berasaskan data bekalan komoditi ternakan, bekalan daging, ayam, telur dan susu dijangka mencu-

kupi untuk keperluan negara.

"Untuk bulan Jun, stok bekalan daging lembu dan kerbau dianggarkan sebanyak 22,590.58 tan metrik dan bekalan daging ayam sebanyak 125,067.61 tan metrik.

"Bagi bekalan telur ayam pula, dianggarkan sebanyak 976,847,250 biji dan bekalan susu segar sebanyak 4,147,608.10 liter," katanya.

Ronald berkata, MAFI menganggarkan keperluan sebanyak 100,000 hingga 150,000 tan metrik beras dalam tempoh 14 hari pelaksanaan *total lockdown* dan jumlah itu termasuk andaian sekiranya berlaku pembelian panik oleh orang ramai.

Menurutnya, bekalan keperluan tersebut dapat ditampung berdasarkan kedudukan stok beras semasa sebanyak 764,000 tan metrik pada masa kini yang berada di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.

"Bagi menjamin bekalan dan pengedaran beras berterusan serta tidak terganggu, MAFI akan memastikan proses penanaman padi dan operasi kilang padi serta beras beroperasi pada kadar dibenarkan mengikut SOP ditetapkan MKN.

"Ta termasuklah kebenaran pengedaran input pertanian seperti baja, benih padi dan penggunaan jentera sepanjang tempoh tersebut," katanya.

Beliau berkata, pengedaran beras di peringkat pemborong dan peruncit juga dibenarkan untuk beroperasi mengikut SOP bagi memastikan setiap pelosok daerah dan kawasan tidak akan terjejas.

"Kedudukan stok semasa bekalan



MAFI memastikan rangkaian dan rantaian bekalan makanan di Malaysia kekal berada di tahap stabil, mencukupi serta terkawal, selain akses yang sentiasa tersedia kepada orang ramai sepanjang tempoh pelaksanaan PKP penuh. Gambar kecil: Ronald Kiang

ikan negara pula berjumlah 185,000 tan metrik sebulan berbanding keperluan semasa sebanyak 155,000 tan metrik sebulan.

"Sebanyak 89 pasar nelayan dan 33 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) masih beroperasi di seluruh negara sepanjang tempoh *total lockdown* fasa satu, manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), ia tertakluk kepada arahan pihak berkuasa tempatan dan SOP MKN," katanya.

Bagi menjamin akses orang ramai terhadap keperluan bekalan makanan,

Ronald berkata MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara yang terdiri daripada 24 Pasar Tani Ke-14, tiga MyFarm Outlet, 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar berbanding 63 lokasi yang dibuka semasa PKP 1.0 tahun lepas.

"Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan SOP yang diperketatkan oleh MKN untuk menangani penularan gelombang ketiga Covid-19 yang kian meningkat," kata

Ronald. - *Bernama*

THROUGHOUT LOCKDOWN PERIOD

FOOD SUPPLY STABLE, SAYS MINISTER

Measures taken to ensure that the agriculture and food industry will not be impacted by lockdown

FARAH SOLHI
KUALA LUMPUR
news@nsl.com.my

THE Agriculture and Food Industry Ministry has given an assurance that there will be enough food supply and a stable food network as the country comes under full lockdown, from today to June 14.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Khande, said preparations and follow-up measures had been carried out to ensure the agriculture and food industry as well as its ecosystem would not be impacted by the lockdown.

Khande said for rice supply, it was estimated that the public would need between 100,000 and 150,000 metric tonnes during the 14-day lockdown.



Datuk Seri Dr. Ronald Khande

"We have also factored in the possibility of panic-buying during the said period. With the current stock of 764,000 metric tonnes available, we believe demands can be met.

"In accordance with the standard operating procedures (SOP), padi cultivation and rice mills can still operate. The cultivation and harvesting of padi are currently underway in Penang, Perak, Pahang, Kelantan and Terengganu.

"Rice distribution at the wholesale and retail levels is permitted



People shopping for necessities at a supermarket in Kuala Terengganu yesterday in preparation for the 14-day lockdown beginning today. PIC BY GHAZALI KORI

to ensure no disruption to essential food supply in every district," he said in a statement yesterday. On the country's fish supply, there was existing stock of 185,000 metric tonnes to meet the demand of 155,000 metric tonnes each month, he said.

Khande added that 89 fish markets and 33 fish collection and distribution centres (CCDC) were still operating nationwide.

"Centres located in Enhanced Movement Control Order (EMCO) areas must follow the instruction of local authorities and SOP set by the National Security Council," he said.

On other essential commodities, the minister said there were sufficient supplies of meat, poultry, eggs and milk.

"We estimate the beef and buffalo meat supply for June will be at 22,590.58 metric tonnes and chicken at 125,067.61 metric tonnes. The supply of chicken eggs is estimated at 976,847,250 and fresh milk supply is at 4,147,608.10 litres for the same month."

In a move to ensure the public would have access to these essential food items, he said the ministry, via the Federal Agriculture Marketing Board (Fama), had opened 43 controlled fresh markets nationwide comprising 24 permanent farmer's markets; three MyFarm outlets; 14 Fama operation centres and two agrobazaars compared with 63 of such facilities opened during MCO 1.0.

Khande explained that there were fewer such facilities this time due to the stricter SOP to address the rising number of Covid-19 cases.

He also urged players in the food network and food supply sectors to contact the ministry's departments and agencies to get their authorisation letter to operate and observe the highest level of compliance with the SOP.

Khande also called on the public to avoid any panic-buying or stockpiling of essential food items.

The public can contact the ministry's Operation Room at 03-8870 1664/1491 or email bilikgerakan@maf.gov.my, or visit its website at www.mafi.gov.my for any inquiries.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	5

Sayur kailan pun cuba diseludup

Melaka: Bukan hanya rokok, malah sayur-sayuran segar cuba diseludup masuk ke Malaysia menggunakan bot dari Indonesia.

Kegiatan itu dibongkar susulan kejayaan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Melaka/Negeri Sembilan merampas 140 kilogram sayur kailan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Linggi di sini, semalam.

Pengarah Maqis Melaka/Negeri Sembilan, Nora Dinah Abdul Rahman berkata, hasil pemeriksaan rutin dilakukan penguasa Maqis menemui longgokan sayur kailan yang dipercayai dibawa masuk dari negara Indonesia.

Menurutnya, sayur dike-

san dibawa masuk tanpa permit import sah.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana tidak mematuhi syarat import Maqis.

"Jika sabit kesalahan, individu membawa sayur-sayuran itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sehubungan itu, pihak Maqis sentiasa memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian di pintu masuk negara untuk memastikan keluaran pertanian yang diimport dan diekspor mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.



KOTAK berisi sayur kailan (gambar kecil) yang dirampas Maqis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

'Total lockdown': FAMA buka 43 Pasar Segar Terkawal



FAMA membuka sebanyak 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara dalam tempoh 'total lockdown' yang bermula Selasa. - Gambar hiasan

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka sebanyak 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara dalam tempoh 'total lockdown' yang bermula Selasa.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, daripada jumlah itu, 24 ialah Pasar Tani Kekal, tiga MyFarm Outlet, 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar.

Beliau berkata, sebanyak tujuh komoditi ditawarkan di semua PST iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan atau hasil laut, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Pasar Tani Kekal, MyFarm Outlet dan Agrobazaar akan mula beroperasi pada jam 6 pagi hingga 4 petang manakala Pusat Operasi FAMA bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah hari.

"Objektif PST ialah memberi akses pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan lima hingga 20 peratus," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah Ronald, inisiatif berkenaan juga sebagai ruang untuk usahawan memasarkan produk mereka ketika tempoh pelaksanaan total lockdown fasa pertama.

Katanya, PST juga beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) dengan penjarakan gerai sejauh tiga meter, pintu masuk dan keluar dikawal selia serta menghadkan bilangan kemasukan pengunjung pada satu masa.



Ronald Kiandee

Beliau turut menasihatkan pengguna membuat bayaran secara dalam talian dan tanpa tunai sama ada melalui pembayaran QR Pay dan E-wallet supaya dapat membendung penularan wabak Covid-19 melalui wang kertas.

"Operasi PST kali ini juga menawarkan pembelian secara atas talian dan pesanan boleh dibuat sebelum pengoperasian PST sama ada melalui platform media sosial, eWallet atau eDagang dan membuat bayaran terus secara dalam talian atau Cash on Delivery (COD).

"Pengguna juga boleh membuat pilihan untuk mendapatkan pesanan yang ditempah melalui kaedah tempat pengambilan, penghantaran melalui rider atau dropship," ujarnya.

Dalam pada itu,MAFI turut menyeru kepada usahawan yang menghadapi masalah pemasaran hasil pertanian boleh berhubung terus dengan pejabat FAMA yang berhampiran atau melalui portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>).

Selain itu, bagi pengguna yang ingin mendapatkan info mengenai tarikh dan waktu operasi Pasar Tani Kekal, Pasar Tani dan pusat operasi di seluruh negara semasa PKP fasa pertama, boleh melayari www.fama.gov.my/faq dan klik soalan di bawah Pembangunan Institusi Pemasaran untuk mendapatkan maklumat lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

43 lokasi pasar segar terkawal dibuka semasa sekatan pergerakan penuh - FAMA



KUALA LUMPUR, 31 Mei – Sebanyak 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara akan dibuka, dalam tempoh sekatan pergerakan penuh bermula esok, menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam kenyataan hari ini memaklumkan, tujuan PST diwujudkan bagi memberi akses pilihan kepada pengguna mendapatkan barangan keperluan, dengan penawaran penjimatan lima hingga 20 peratus.

Beliau berkata, inisiatif ini juga sebagai ruang pasaran kepada usahawan memasarkan produk ketika tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, selama 14 hari ini.

FAMA dalam kenyataan sama memaklumkan, jumlah PST ini terdiri daripada 24 buah Pasar Tani Kekal, tiga 'MyFarm Outlet', 14 Pusat Operasi FAMA dan dua Agrobazaar, berbanding 63 lokasi dibuka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 lepas.

"Sebanyak tujuh komoditi ditawarkan di semua outlet PST ini iaitu, sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan atau hasil laut, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Pasar Tani Kekal, MyFarm Outlet dan Agrobazaar beroperasi bermula 6 pagi sehingga 4 petang, manakala Pusat Operasi FAMA pada 7 pagi hingga 12 tengah hari," menurut kenyataan itu.

PST juga beroperasi mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan kerajaan dengan penjarakan tiga meter antara gerai, kawal selia di pintu masuk dan keluar, oleh pihak berkuasa serta penetapan had kemasukan pengunjung di kawasan PST pada satu masa.

Kenyataan itu menyebut, operasi PST kali ini juga menawarkan pembelian secara dalam talian dan pesanan boleh dibuat sebelum pengoperasian PST, sama ada melalui platform media sosial, e-dompot atau e-dagang dan membuat bayaran terus secara dalam talian atau tunai semasa hantar (COD).

Sementara itu, bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh ini, usahawan yang menghadapi masalah pemasaran hasil pertanian digalakkan menghubungi pejabat FAMA berhampiran, atau melalui portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>) untuk sebarang pertanyaan, aduan dan maklum balas.

Maklumat lanjut berhubung tarikh dan waktu operasi Pasar Tani Kekal, Pasar Tani dan Pusat Operasi di seluruh negara boleh diakses menerusi pautan (www.fama.gov.my/faq).

-- BERNAMA

1/6/2021

SINAR
HARIANNEGERI
PAHANG/

SELANGOR/KL

'Ambil saja percuma tak perlu bayar'

Pekebun sedekah 3,000kg buah tembikai kepada sesiapa sahaja

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seorang pekebun menawarkan secara percuma tembikai jenis boci yang ditanam di kebunnya di Kampung Ubai, Pekan di sini kepada sesiapa sahaja yang mahu menikmatinya.

Ain Izuddin Mohd Ghazali, 26, berkata, setiap kali tanaman tembikai yang diusahakan di atas tanah seluas 1.6 hektar sudah boleh dituai, sebahagiannya akan disedekahkan.



Ain Izuddin menyusun buah tembikai yang diusahakannya di Kampung Ubai, Pekan untuk disedekahkan kepada orang ramai.

Katanya, purata bagi sebiji buah tembikai yang diusahakannya dianggarkan seberat kira-kira empat kilogram.

"Sesiapa yang berhajat hendak makan tembikai, datanglah ke kebun saya, ambil sendiri. Saya sediakan sebanyak 3,000

kilogram buah tembikai untuk disedekahkan.

"Ambillah sedekah untuk makan selagi tidak membazir. Tak perlu bayar, saya bagi percuma. Cuma siapa cepat dia dapat," katanya ketika ditemui di ladang miliknya itu pada Is-

nin.

Ain Izuddin berkata, pada tahun lalu, sebanyak 2,000 kilogram tembikai diagihkan kepada orang ramai yang datang ke kebunnya.

Pada Ramadan lalu, katanya, dia turut mengagihkan buah berkenaan secara percuma kepada orang ramai, namun jumlahnya tidak banyak berbanding ketika ini.

"Rezeki yang ALLAH berikan kepada saya perlu dikongsikan terutamanya dalam keadaan sekarang apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan menyebabkan ramai yang tertekan.

"Lagipun buah tembikai yang sudah masak tidak boleh disimpan lama. Daripada rosak, lebih baik saya sedekahkan kepada sesiapa yang mahu menikmatinya," katanya yang bercadang mengusahakan ta-

naman jagung manis pula.

Ain Izuddin berkata, ketika ini kebanyakan pekebun tanaman tembikai menanggung kerugian apabila harga jualan ladang jatuh sehingga mencecah 30 sen sekilogram.

Bagaimanapun, mereka bernasib baik kerana mendapat bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Perserikutan (FAMA) Pahang yang memasarkan sebahagian hasil ladangnya.

"Bantuan FAMA ini sedikit sebanyak menyelamatkan pekebun daripada menanggung kerugian lebih besar pada musim kali ini.

"Terdapat kira-kira 17 pekebun tembikai di Kampung Ubai dan mereka menanam tembikai secara berperingkat dan hasil seterusnya akan diperoleh pada pertengahan bulan depan," katanya.

Masalah sawah tenggelam sudah selesai?

KANGAR: Ratusan petani yang terjejas berikutan masalah sawah tenggelam mampu menarik nafas lega apabila Jabatan Pertanian dan Saliran (JPS) negeri sedia membuka dan membuang serta-merta 15 meter lagi sekatan di Pengkalan Asam di sini yang dikatakan menjadi punca kepada masalah berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man memberitahu, langkah membuang bongkah-bongkah konkrit yang merentangi Sungai Perlis itu menjadikan laluan yang dibuka itu adalah selebar 25 meter secara keseluruhan.

Katanya, sebelum ini, JPS membuka selebar 10 meter sekatan untuk mengalirkan air yang melimpah.

"Menurut Pengarah JPS (Asnol Adzhan Abdul Manap), dari segi teknikal kelebaran 25 meter dengan kedalaman tiga meter itu sudah cukup untuk air me-

800 pesawah terkesan, rugi besar



ini berikutan kebanyakan sawah mereka masih lagi tenggelam.

Masalah tersebut dikatakan berpunca daripada projek sekatan di Sungai Pengkalan Asam, Kangar yang menyebabkan beberapa sungai sekitar Arau terkesan sehingga berlaku limpahan air ke kawasan sawah setiap kali hujan lebat.

Dakwa pesawah, selagi sekatan kira-kira 30 meter tersebut tidak dibuang sepenuhnya, masalah sawah padi tenggelam akan terus berlarutan dan bakal menyebabkan hasil mereka selepas ini merosot sehingga lebih 50 peratus serta boleh melibatkan kerugian mencecah jutaan ringgit.

Terdahulu, Azlan dalam mesyuarat Exco menjemput Asnol Adzhan; Pengurus Wilayah 1 Mada, Zairizal Zainon dan wakil-wakil pesawah bagi membincang dan mencari penyelesaian masalah sawah tenggelam ber-

kutan limpahan air dari Sungai Gial dan Sungai Repoh di sini.


Azlan memaklumkan, pesawah meluahkan bahawa air yang melimpah keluar dari sungai kerana empangan rendah yang dibina JPS merentasi Sungai Perlis berhampiran pejabat jabatan itu dipercayai menyebabkan sawah mereka tenggelam.

"Hasil dari maklumat yang diperoleh, ada kebenarannya apa yang disyaki oleh petani-petani berkenaan. Ini diikuti juga oleh JPS walaupun tujuan pembinaan empangan rendah tersebut adalah untuk kebalikan tetapi ia juga membawa kesan sampingan tidak baik yang tidak dijangka," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap para pesawah yang terlibat tidak lagi menghadapi masalah benih terendam dan musnah sehingga menyebabkan kerugian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

**SESI KEMASUKAN
TAHUN 2021**



TAWARAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM **SIJIL PERTANIAN** DI INSTITUT PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PENTING

PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN
BOLEH DIBUAT MELALUI PAUTAN:

www.portal.doa.gov.my/agris/ipsm.php

Permohonan
secara online
dibuka mulai
1 Jun 2021
hingga
30 Jun 2021

SYARAT KELAYAKAN MASUK

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 25 tahun
- Berkelulusan SPM atau SPMV / Setaraf
 - Lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
 - Lulus Matematik / Matematik Tambahan dan
 - Kepujian dalam salah satu matapelajaran yang ditetapkan.
(sila rujuk laman web untuk senarai lengkap)

Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:

Seksyen Latihan Teknikal Dan Vokasional,
Bahagian Pembangunan Modal Insan,
Jabatan Pertanian Malaysia.

☎ : 03 - 8870 3035 / 3228 / 3238

🖨 : 03 - 8888 8475

✉ : sltv@doa.gov.my



www.doa.gov.my